

Newspaper	Kosmo
Date	9/1/2013



DR. MAHATHIR mencuba kereta Lotus model Exige S sambil diperhatikan oleh Mohd. Khamil (dua dari kiri) selepas majlis pelancaran kenderaan itu di Sungai Penchala dekat Kuala Lumpur semalam.

Pelan pemulihan Lotus selesai dua tahun

Kosmo
9/1/2013

KUALA LUMPUR - Proton Holdings Bhd. (Proton) yakin bahawa pelan pemulihan anak syarikat milik sepenuhnya, Lotus Group Plc, boleh diselesaikan dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Mohd. Khamil Jamil berkata, keyakinan itu dibuat berasaskan kepada permintaan yang semakin meningkat ke atas kereta sport di dunia selain pengurusan baharu menerusi DRB-HICOM Bhd. (DRB-HICOM).

Proton merupakan anak syarikat DRB-HICOM.

"Ia memerlukan tempoh masa yang lama. Untuk mengubah sesuatu yang sudah sedia ada selama 16 tahun bukannya mudah, namun insya-Allah, pasukan pengurusan sangat inovatif dan banyak membantu.

"Kami tahu ada persaingan dalam pasaran. Bagaimanapun, berdasarkan peningkatan kualiti dan standard Lotus, kami yakin ia dapat bersaing da-

lam pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran bilik pameran perdana Lotus serta model baharunya, Exige S dan Elise S di Malaysia di Sungai Penchala dekat sini semalam.

Turut hadir ialah Mantan Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Dr. Mahathir menjelaskan, persekitaran pasaran tempatan untuk Lotus sudah berubah.

"Lotus mempunyai nama yang baik, malangnya sejak 16 tahun lepas, orang ramai tidak melibatkan diri dengan jenama ini.

"Pada masa itu, tidak ada pasaran untuk Lotus di Malaysia, namun hari ini sudah ada minat besar yang ditunjukkan terhadap kereta Lotus dan kami yakin dapat menjual dengan mencatat jumlah yang besar di Ma-

laysia," katanya.

Tambah beliau, sudah pasti ada permintaan untuk kereta Lotus di luar negara, namun Lotus memerlukan masa yang lebih lama bagi memastikan keretanya mempunyai kualiti terbaik untuk dipasarkan.

Sementara itu, Khamil berkata, Lotus menerima 20 tempahan untuk kereta itu dalam pasaran tempatan dan sudah menyerahkan 12 kereta kepada pembeli sehingga hari ini.

"Kami menasaskan jualan antara 100 dan 200 unit kereta Lotus setelah kemasukan Lotus ke Malaysia.

"Di peringkat global, kami menasaskan jualan antara 3,000 dan 4,000 unit dalam tahun kewangan berakhir Mac 2015. Pasaran terbesar untuk Lotus ialah China, Jepun dan Amerika Syarikat," katanya.

Mengenai kedua-dua model kereta berkenaan, beliau menerangkan, Exige S ditawarkan dalam dua varian iaitu roadster (RM452,030) dan coupe (RM467,230), manakala Elise S dijual dari RM332,300.

